

14. Sveiby (1997) di dalam bukunya *The New Organizational Wealth* pula membahagikan tiga komponen ini di bawah maksud 'intangibles', iaitu terdiri daripada Kompetensi Pekerja (*employee competency*), Struktur Dalaman (*internal structure*) dan Struktur Luaran (*external structure*).
15. Sebagaimana yang dicatatkan oleh Stewart (1994) di dalam artikelnya bertajuk 'Measuring Company I.Q.', *Fortune*, January, Volum 129.

#### BIODATA

KHAIRUR RIZAL RAMLI mempunyai pengalaman selama enam tahun di dalam bidang pelaburan, pengurusan, pengurusan sumber manusia dan perhubungan awam/pemasaran di sebuah syarikat swasta di Pahang sebelum memasuki Skim Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) pada awal tahun 2003. Beliau memiliki MBA (UUM), BBA (UUM), Diploma Pengurusan Awam (DPA) INTAN, dan Sijil Amalan Setiausaha Syarikat (KYPM) Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Psychology - Geneva  
P. 151 - 164  
CTR: 0000256450

# Menuju Modenisasi Psikologi di Malaysia

● Yohan Kurniawan

#### ABSTRAK

Perkembangan psikologi di Asia semasa ini sudah pun menunjukkan kemajuan yang pantas berbanding beberapa tahun lalu. Kemajuan ini disokong oleh beberapa faktor di antaranya meningkatnya jumlah sarjana di bidang ini, semakin bertambahnya pakar-pakar psikologi di Asia, transformasi ilmu-ilmu psikologi moden dari negara-negara Barat ke Asia, dan sebagainya. Perkembangan psikologi di Asia ini juga dirasai oleh Malaysia. Psikologi bukanlah sesuatu yang baru, ia telah masuk sejak tahun 60-70-an dan semasa ini semakin banyak pelajar di negara ini yang mempunyai minat yang tinggi untuk mempelajari ilmu ini. Minat yang tinggi kepada ilmu psikologi ini juga ditunjukkan oleh pihak universiti dengan semakin banyaknya pusat pengajian psikologi dan sekolah psikologi didirikan. Sejalan dengan kemajuan dan perkembangan ilmu psikologi di Malaysia, beberapa permasalahan berlaku yang mana ia dapat menjadi penghalang bagi kemajuan ilmu psikologi di Malaysia ke arah yang lebih gemilang dan setaraf dengan kemajuan psikologi di negara Barat. Beberapa perubahan pandangan, pola fikir dan kebijaksanaan

*perlu dilakukan oleh para pakar psikologi Malaysia dan Persatuan Psikologi Malaysia (Psima) apabila kita ingin melihat dan berbangga kepada kemajuan psikologi di Malaysia.*

## PENDAHULUAN

PSIKOLOGI bukanlah suatu perkataan baru bagi kita. Ilmu ini telah wujud sejak alaf ke-19 dan pada alaf ke-20 ia diakui sebagai sebuah ilmu pengetahuan. Masa ini ilmu psikologi telah pun mencapai kemajuan dan perkembangan yang sangat pantas dan menjadi sebuah ilmu moden pada alaf ini. Pada awal berdirinya ilmu ini dimulakan daripada suatu uji kaji atau eksperimen yang kemudian ia dikenali sebagai *psychological experimentation*. Ilmu psikologi ini bermula di University of Leipzig, Jerman pada tahun 1880-an. Projek uji kaji tersebut di bawah pimpinan Wilhelm Wundt. Selanjutnya kumpulan pengkaji ini membangunkan beberapa makmal kajian di beberapa tempat seperti yang mereka bangunkan di Leipzig. Makmal Wundt ini yang menjadi model pertama daripada kewujudan psikologi eksperimen (Danziger, K. & Ballantyne, P.F. 1997). Pada permulaan wujudnya ilmu psikologi ini, Wundt menyebutnya sebagai fisiologi psikologi atau *physiological psychology*. Hal ini disebabkan ia mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam bidang perubatan dan menjalankan kajian dalam bidang fisiologi. Di dalam menjalankan kajiannya Wundt menggunakan beberapa peralatan fisiologi yang berukuran besar. Teknologi yang digunakan Wundt di dalam kajiannya dapat dibezakan menjadi dua bahagian: **pertama**, peralatan eksperimen untuk kawalan dan simulasi; **kedua**, peralatan untuk merakamkan dan mengukur tindak balas. Peralatan-peralatan kajian eksperimen tersebut pertama kali dipamerkan kepada orang awam di Chicago World Fair pada tahun 1893. Joseph Jastrow, seorang doktor falsafah psikologi Amerika pertama yang mengetuai jawatankuasa pameran peralatan kajian eksperimen psikologi di dalam pameran ini.

Perkembangan ilmu ini kemudiannya berkembang sangat pantas ke Amerika dan negara-negara lain di seluruh Eropah. Sekitar tahun 60-an, ilmu ini mulai memasuki Asia dan menjadi dasar kewujudan fakulti, pusat dan sekolah psikologi yang kita lihat saat ini. Kewujudan ilmu ini di Malaysia hampir sama dengan negara jirannya, Indonesia sekitar tahun 70-an, dengan Universiti Indonesia (universiti tertua di Indonesia) sebagai fakulti psikologi pertama di Indonesia. Seperti halnya Indonesia, perkembangan psikologi di Malaysia berkembang pantas dan hal ini dapat kita lihat dengan banyaknya pusat dan sekolah psikologi didirikan di Malaysia.

Perkembangan bidang kajian khas ilmu psikologi mempunyai hubungan kait dengan keadaan sesuatu negara. Seperti di Indonesia, psikologi sosial yang berkembang lebih pantas berbanding psikologi lain, hal ini kerana kehidupan masyarakatnya yang beragam corak. Sedangkan di Malaysia, psikologi kaunseling yang mempunyai perkembangan lebih pantas dan ramai peminat. Perbezaan lain perkembangan psikologi di Indonesia dan Malaysia adalah kesan negeri dan bandar di Indonesia kepada perkembangan suatu bidang kepakaran psikologi, contohnya: di Jakarta, bidang psikologi industri lebih berkembang maju berbanding negeri dan bandar lain, di Yogyakarta, psikologi sosial yang lebih berkembang maju. Sedangkan di Malaysia, kesan negeri dan bandar tidak memberi pengaruh yang besar kepada perkembangan suatu bidang kepakaran psikologi.

Secara keseluruhan harus diakui bahawa kemajuan ilmu psikologi di ASEAN ini masih jauh tertinggal dengan kemajuan psikologi di negara-negara Barat dan Amerika di mana ilmu ini pertama kali wujud. Dan salah satu fenomena yang berlaku semasa ini di Asia, psikologi eksperimen yang menjadi pokok umbi kewujudan ilmu psikologi langsung tidak berkembang dan kurang peminat. Fenomena ini bertentangan dengan keadaan di negara-negara Eropah dan Amerika yang mana psikologi eksperimen berkembang sangat pantas, sejalan dengan kemajuan teknologi moden semasa ini.

Permasalahan utama perkembangan psikologi di Malaysia dan negara-negara lain serantau semasa ini adalah pandangan para pakar

psikologi yang mana mereka masih 'menghadkan' fikiran mereka kepada keterlibatan ilmu lain di luar psikologi seperti kejuruteraan, perubatan, sains maklumat dan sebagainya. Keterlibatan ilmu-ilmu lain di luar psikologi sebenarnya sangat penting dan mustahak pada masa ini kerana mereka dapat memperkaya wawasan dan pemikiran kita para psikologi. Selain itu kepelbagaian bidang ilmu ini akan membantu kita mengembangkan sebuah produk baru di bidang psikologi, contohnya: alat ujian psikologi berkomputer, alat keselamatan kerja, sistem pembelajaran berasaskan Internet dan interaktif dan sebagainya.

### PSIKOLOGI DI LUAR NEGARA

Perkembangan dan kemajuan psikologi di luar negara khususnya di Amerika dan negara-negara Barat seperti Jerman, Rusia, Perancis, Belanda, sangatlah pantas. Terdapat banyak faktor punca kemajuan ilmu psikologi di luar negara di antaranya: aktiviti dan kepelbagaian kajian yang dilakukan, keterlibatan pelbagai bidang ilmu, penggunaan teknologi moden, *financial research support*, dan keterlibatan aktif pihak kerajaan dan pihak swasta. Keterlibatan pelbagai bidang ilmu dalam ilmu psikologi di luar negara dapat kita lihat daripada tenaga akademik di fakulti atau sekolah psikologi.

Di bawah ini adalah contoh kepelbagaian bidang ilmu di dalam fakulti psikologi Stanford University, Amerika Syarikat (AS).

#### Jadual 1

#### Sebahagian tenaga akademik fakulti psikologi Stanford University AS.

##### Department of Psychology Faculty Scientific Interests

- Donald Blough. Emeritus and Research Professor. Ph.D, Harvard University.
- Mary A. Carskadon. Adjunct Professor. Ph.D, Stanford University. (Professor, Psychiatry and Human Behavior, Brown University School of Medicine; Director of Chronobiology and Sleep Research, E.P. Bradley Hospital.)
- Russell M. Church. C. Pitts Robinson & J. Palmer Barstow Professor of Psychology. Ph.D, Harvard University.
- Tony Davids. Professor Emeritus. Ph.D, Harvard University.
- Cynthia Garcia Coll. Robinson and Barstow Professor of Education, Psychology, and Pediatrics. Ph.D, Harvard University.

- Ferdinand F. Jones. Professor Emeritus. Ph.D, University of Vienna.
- Julius Kling. Professor Emeritus. Ph.D, University of Illinois.
- Lewis P. Lipsitt. Professor (Research) of Psychology; Professor Emeritus. Ph.D, University of Iowa.
- Andrea Megela Simmons. Professor. Ph.D, Harvard University.
- Eric Suuberg. Professor and Chair. Sc.D, MIT.

##### Faculty in Other Departments with Interests Related to Psychology

- James Anderson. Professor and Chair, Cognitive and Linguistic Sciences.
- Mark Bear. Professor, Neuroscience.
- David Berson. Associate Professor, Neuroscience.
- Barry Connors. Professor, Neuroscience.
- John Donoghue. Professor and Chair, Neuroscience.
- Peter Eimas. Professor Emeritus, Cognitive and Linguistic Sciences.
- James McIlwain. Professor, Neuroscience.
- Fayneese Miller. Associate Professor, Education.
- James Morgan. Associate Professor, Cognitive and Linguistic Sciences.
- Michael Paradiso. Associate Professor, Neuroscience.
- Robert Patrick. Associate Professor, Neuroscience.
- Kathryn Spoehr. Professor, Cognitive and Linguistic Sciences.
- Michael Tarr. Professor, Cognitive and Linguistic Sciences.
- William H. Warren, Jr. Professor, Cognitive and Linguistic Sciences.

Jadual di atas menunjukkan bahawa fakulti psikologi di Amerika sudah pun menerima kepelbagaian bidang ilmu di luar psikologi serta fakulti lain yang mempunyai minat yang sama dengan psikologi, yang mana bidang ilmu lain tersebut boleh memperkaya dan memajukan psikologi. Keadaan ini berbeza dengan beberapa tahun lalu di mana sebuah fakulti psikologi hanya beranggotakan orang-orang yang mempunyai keilmuan yang sama. Perubahan yang berlaku di fakulti psikologi di Amerika dan negara-negara Barat masa ini telah membawa perubahan yang pantas kepada kejayaan dan kemajuan bidang psikologi.

Selain faktor kepelbagaian bidang ilmu pengetahuan dalam sebuah fakulti psikologi, faktor teknologi dan sokongan kewangan atau *financial research support* sangat menentukan juga kemajuan bidang psikologi. Peranan teknologi dan sokongan kewangan ini boleh nampak daripada peralatan dan makmal kajian yang digunakan. Semasa awal pendiriannya, peralatan eksperimen yang digunakan dalam kajian masih sederhana walaupun ia telah menggunakan teknologi semasa itu. Jadual di bawah ini menunjukkan peralatan-per-

alatan kajian psikologi pada tahun 1940-an dan peralatan kajian psikologi moden masa kini.

Walaupun semasa ini teknologi moden baik di bidang perubatan dan kejuruteraan sudah pun memasuki rantau ini akan tetapi mereka belum dipergunakan secara maksimum oleh para pakar dan pengkaji psikologi. Salah satu hambatan dan keterhadan penggunaan peralatan moden tersebut oleh para pengkaji dan pakar psikologi adalah masalah harga yang mahal dan keterhadan kewangan yang dimiliki oleh pusat atau sekolah psikologi di Malaysia dan di negara-negara ASEAN lainnya.

Oleh kerana itu sangatlah penting bagi pusat atau sekolah psikologi untuk menjalinkan kerjasama dengan fakulti kejuruteraan dan fakulti perubatan bagi membangunkan sendiri peralatan kajian moden yang dapat digunakan bersama oleh kedua-dua atau ketiga-tiga fakulti.

#### PSIKOLOGI MALAYSIA DAN HAMBATAN KEMAJUANNYA

Seperti halnya di negara-negara ASEAN lainnya, pusat atau sekolah psikologi di Malaysia juga menghadapi masalah dalam usaha mengembangkan dan memajukan bidang psikologi ke tahap yang lebih tinggi dan moden setaraf dengan kemajuan psikologi di negara-negara Barat. Seperti telah disebutkan di bahagian hadapan terdapat beberapa faktor yang menjadi punca hambatan kemajuan dan perkembangan psikologi di rantau ini.

Selain masalah kewangan, penggunaan peralatan teknologi moden, dan sokongan dari pihak kerajaan, punca dalaman pusat atau sekolah psikologi itu sendiri yang lebih penting. Punca dalaman ini berhubung kait dengan motivasi untuk membawa psikologi ke puncak kejayaan setaraf dengan negara lain dan keterbukaan pandangan serta pemikiran dari para pakar dan pengkaji psikologi sendiri. Bagi Malaysia sendiri hambatan kemajuan bidang psikologi ini bukan kerana faktor kewangan yang kurang, kehadiran peralatan teknologi moden di Malaysia, dan sokongan dari pihak kerajaan. Peruntukan

biaya kajian di Malaysia cukup besar sehingga ia bukan penghalang para pakar dan pengkaji psikologi menjalankan kajian. Selain itu mereka juga dapat bergabung kepakaran dengan bidang ilmu lain seperti perubatan, kejuruteraan dalam menjalankan sebuah kajian. Sehubungan dengan teknologi moden, Malaysia merupakan salah satu negara di rantau ini yang tidak pernah tertinggal kehadiran teknologi moden dan terbaru. Sehingga setiap kajian yang memerlukan peralatan teknologi moden semasa ini boleh diperoleh di Malaysia. Sokongan dari pihak kerajaan di Malaysia sangatlah besar, hal ini nampak daripada peruntukan yang diberikan untuk kajian, seminar, bengkel, dan penglibatan para pakar psikologi dalam menyelesaikan masalah-masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat. Jadi sikap mental dan pola fikir para sarjana dan pakar psikologi di Malaysia sendiri yang menghambat kemajuan psikologi di sini.

#### a. Kesamaan program pengajaran di pusat atau sekolah psikologi di Malaysia

Apabila para pakar dan pengkaji psikologi di Malaysia mempergunakan sebarang kelebihan baik keilmuan dan teknologi yang ada di Malaysia secara maksimum, Malaysia boleh menjadi salah satu negara di ASEAN yang mempunyai psikologi moden dan setaraf dengan psikologi di negara Barat. Salah satu permasalahan yang wujud di Malaysia sehubungan dengan ilmu psikologi adalah kesamaan program pengajaran antara pusat atau sekolah yang satu dengan yang lain, sehingga secara keseluruhan psikologi di Malaysia mempunyai bentuk dan pengajaran yang sama. Di Malaysia hampir seluruh pusat dan sekolah psikologi memusatkan pengajarannya dalam bidang kaunseling. Sebenarnya akan lebih baik kalau ada pusat atau sekolah psikologi yang mempunyai bidang pengkhasan lain contohnya: industri, klinikal dan sebagainya. Atau, bidang kaunseling tetapi menggunakan pendekatan yang berbeza seperti pendekatan Gestalt, Freud, yang mana pendekatan yang berbeza boleh menjadi ciri khas pusat atau sekolah psikologi tersebut berbanding pusat atau sekolah psikologi lain.

Pengembangan bidang-bidang baru seperti psikologi forensik, psikologi militer, psikologi humor dan sebagainya dapat menarik minat dan memperkaya kepelbagaian ilmu psikologi di Malaysia. Selain itu, ia juga akan dapat menciptakan kepakaran baru seperti pakar terapi humor, pakar psikologi forensik, pakar psikologi militer dan sebagainya. Kepakaran ini akan membantu institusi-institusi yang berkaitan seperti hospital, polis, tentera dan sebagainya.

### b. Permasalahan kursus dan kemahiran pelajar psikologi

Permasalahan lain yang dihadapi oleh pusat atau sekolah psikologi di Malaysia adalah kurang beragam dan inovatif kursus perkuliahan yang ditawarkan semasa ini. Selain itu, hampir wujud kesamaan antara kursus pusat atau sekolah psikologi yang satu dengan yang lain. Kursus yang inovatif maksudnya kuliah yang berisikan kursus yang tidak dimiliki oleh pusat atau sekolah psikologi lain, akan tetapi diperlukan oleh masyarakat dan boleh menghasilkan sesuatu yang baru, baik produk mahupun teori baru, contohnya: psikologi forensik, *engineering psychology* atau psikologi kejuruteraan, *military psychology* dan sebagainya. Bagi memudahkan pusat dan sekolah psikologi mengembangkan kursusnya, mereka dapat merujuk kepada divisi-divisi yang ada di dalam *American Psychology Association* (APA). Divisi-divisi psikologi yang dimiliki oleh APA seperti di bawah ini:

#### Jadual 2

#### Divisi-divisi yang dimiliki oleh *American Psychology Association*

| Divisions of the American Psychological Association             |   |
|---|---|
| 1. Society for General Psychology                               | 29. Psychotherapy                                     |
| 2. Society for the Teaching of Psychology                       | 30. Society of Psychological Hypnosis                 |
| 3. Experimental Psychology                                      | 31. State Psychological Association Affairs           |
| 4. There is no Division 4 [more info]                           | 32. Humanistic Psychology                             |
| 5. Evaluation, Measurement, and Statistics                      | 33. Mental Retardation and Developmental Disabilities |
| 6. Behavioral Neuroscience and Comparative Psychology           | 34. Population and Environmental Psychology           |
| 7. Developmental Psychology                                     | 35. Society for the Psychology of Women               |
| 8. Society for Personality and Social Psychology                | 36. Psychology of Religion                            |
| 9. Society for the Psychological Study of Social Issues (SPSSI) | 37. Child, Youth, and Family                          |

|   |   |
|---|---|
| 10. Society for the Psychology of Aesthetics, Creativity and the Arts           | Services  |
| 11. There is no Division 11 [more info]   | 38. Health Psychology   |
| 12. Society of Clinical Psychology  | 39. Psychoanalysis  |
| 13. Society of Consulting Psychology  | 40. Clinical Neuropsychology  |
| 14. Society for Industrial and Organizational Psychology                        | 41. American Psychology-Law Society   |
| 15. Educational Psychology  | 42. Psychologists in Independent Practice   |
| 16. School Psychology   | 43. Family Psychology   |
| 17. Society of Counseling Psychology  | 44. Society for the Psychological Study of Lesbian, Gay, and Bisexual Issues          |
| 18. Psychologists in Public Service   | 45. Society for the Psychological Study of Ethnic Minority Issues                     |
| 19. Military Psychology   | 46. Media Psychology  |
| 20. Adult Development and Aging   | 47. Exercise and Sport Psychology   |
| 21. Applied Experimental and Engineering Psychology                             | 48. Society for the Study of Peace, Conflict, and Violence: Peace Psychology Division |
| 22. Rehabilitation Psychology   | 49. Group Psychology and Group Psychotherapy  |
| 23. Society for Consumer Psychology   | 50. Addictions  |
| 24. Theoretical and Philosophical Psychology                                    | 51. Society for the Psychological Study of Men and Masculinity                        |
| 25. Behavior Analysis   | 52. International Psychology  |
| 26. Society for the History of Psychology                                       | 53. Society of Clinical Child and Adolescent Psychology                               |
| 27. Society for Community Research and Action: Division of Community Psychology | 54. Society of Pediatric Psychology   |
| 28. Psychopharmacology and Substance Abuse                                      | 55. American Society for the Advancement of Pharmacotherapy                           |

Dengan berpandukan kepada divisi-divisi APA tersebut, akan dapat membantu pusat atau sekolah psikologi di Malaysia untuk memasukkan bidang-bidang baru, inovatif dan diperlukan oleh masyarakat di negara ini dalam kursus mereka.

Selain masalah kursus, pusat atau sekolah psikologi di Malaysia juga menghadapi masalah dengan kemahiran yang dimiliki oleh mahasiswanya selepas menamatkan pengajian. Para sarjana muda dan sarjana psikologi yang telah menamatkan pengajiannya kurang memiliki kepakaran khas yang dapat menyokong kepada kerjayanya di masa hadapan. Sebagai contoh, sarjana muda psikologi di Malaysia kurang memahami penggunaan alat ujian psikologi secara mendalam. Mereka boleh memahami teori dan kegunaan suatu alat ujian psikologi, akan tetapi mereka tidak cekap dan tidak dapat menjalankan prosedur dan interpretasi alat ujian tersebut. Hal ini disebabkan para sarjana muda ini tidak pernah mendapatkan latihan khas semasa kuliah sempena pemahaman menjalankan prosedur dan interpretasi suatu alat ujian psikologi. Kekurangan ini dapat menjadi salah satu kelemahan bagi sarjana psikologi untuk bersaing dengan sarjana lain dalam memperoleh kerjaya.

**Jadual 3**

**Kursus-kursus yang ditawarkan di fakulti psikologi Stanford University AS.**

|   |   |
|---|---|
| <p><b>Kursus-kursus yang ditawarkan di musim gugur 2004:</b><br/>           An Introduction to Mind and Behavior<br/>           Quantitative Methods in Psychology<br/>           First Year Seminar<br/>           Personality<br/>           Perception and Mind<br/>           Brain Damage and the Mind</p> <p>Mechanisms of Animal Behavior<br/>           Principles of Behavioral Neuroscience<br/>           Child Development<br/>           Music and Mind<br/>           Animal Learning and Behavior Laboratory<br/>           Animal Behavior Laboratory</p> <p>Thinking (Interested students should register for CG0152)</p> <p>Laboratory in Social Cognition<br/>           Cross-Cultural Perspectives on Child Development<br/>           Behavior Modification<br/>           Cognitive Neuroscience of Emotion<br/>           Seminar in Physiological Psychology<br/>           Contemporary Social Problems: Views from Human Development and Education</p> <p>Special Topics in Psychology</p> <p>Experimental Problems<br/>           Introduction to Psychological Research<br/>           Introduction to Psychological Research<br/>           Quantitative Methods in Psychology<br/>           Research in Experimental Psychology</p> | <p><b>Kursus-kursus yang ditawarkan di musim bunga 2005:</b><br/>           An Introduction to Mind and Behavior<br/>           First Year Seminar<br/>           Social Psychology<br/>           Perception<br/>           Abnormal Psychology<br/>           Introduction to Sleep<br/>           Children's Thinking: The Nature of Cognitive Development<br/>           Techniques in Physiological Psychology<br/>           Stress and Disease<br/>           Health Psychology<br/>           Laboratory in Cognitive Processes<br/>           History and Theories of Child Development<br/>           Relationships and Human Development<br/>           Psychological Acoustics<br/>           Functional Magnetic Resonance Imaging: Theory and Practice<br/>           Special Topics in Psychology</p> <p>Experimental Problems<br/>           Introduction to Psychological Research<br/>           Introduction to Psychological Research<br/>           Research in Experimental Psychology<br/>           Practicum in Teaching<br/>           Statistical Methods in Psychology<br/>           Graduate Core in the Neural Basis of Behavior<br/>           Graduate Core in Perception</p> <p>Preliminary Examination Preparation</p> |
|---|---|

Daripada jadual 3 di atas dapat dilihat kepelbagaian kursus yang ditawarkan di fakulti psikologi Stanford University AS, yang mana kursus tersebut tidak hanya mengajarkan teoritik sahaja, akan tetapi beberapa kursus bersifat praktikal dan bertujuan untuk memberi pengalaman langsung dan kepakaran kepada sarjana psikologi di Amerika.

## REFORMASI PSIKOLOGI DI MALAYSIA

Apabila Malaysia ingin melihat dan diakui sebagai salah satu negara di rantau ini sebagai negara yang mempunyai bidang psikologi terunggul, maka beberapa perubahan atau reformasi harus dilakukan semasa ini. Reformasi yang paling penting dilakukan semasa ini adalah reformasi pola fikir daripada para pakar dan pengkaji psikologi di Malaysia. Kerana dengan mengubah pola fikir yang ada semasa ini dan keterbukaan kepada bidang ilmu lain untuk melakukan kajian bersama maka kemajuan dan perkembangan yang pantas bidang psikologi boleh dicapai. Selanjutnya usaha untuk menyamakan posisi atau kedudukan psikologi Malaysia dengan psikologi negara-negara Barat dapat menjadi kenyataan.

Peranan aktif Persatuan Psikologi Malaysia (Psima) dalam reformasi psikologi di Malaysia sangat diperlukan kerana Psima sebagai organisasi rasmi psikologi Malaysia mempunyai kewajipan dan kekuatan yang boleh digunakan untuk memajukan dan mengembangkan psikologi di Malaysia. Psima mempunyai tugas dan kewajipan untuk mendorong pusat atau sekolah psikologi di Malaysia ini untuk mulai melakukan perubahan dan mengevaluasi kembali program-program kursus yang ditawarkan, kajian-kajian yang telah dan akan dijalankan, peralatan kajian yang digunakan, dan memberi sokongan serta bantuan dalam melakukan transformasi pengetahuan dan teknologi moden dalam bidang psikologi dari luar negara, khasnya negara-negara Barat. Psima juga mempunyai kewajipan untuk membantu sarjana muda dan sarjana psikologi mempunyai kepakaran khas dalam psikologi seperti kemampuan menjalankan ujian psikologi secara persendirian dan kumpulan, kemampuan mempersiapkan dan menjalankan program pelatihan secara persendirian dan kumpulan, memberi pelatihan secara intensif kepada para sarjana yang ingin membuka klinik psikologi dan sebagainya.

Pendirian pusat pelatihan psikologi dan pusat layanan psikologi kepada masyarakat oleh pusat pengajian psikologi atau sekolah psikologi. Pendirian pusat pelatihan psikologi dan pusat layanan


psikologi ini mempunyai manfaat yang sangat besar bagi pusat atau sekolah psikologi sendiri, memberi pelatihan dan meningkatkan kepakaran daripada tenaga akademik pusat atau sekolah psikologi, dan juga sebagai tempat praktikal serta tempat belajar bagi pelajar-pelajar psikologi. Layanan yang dapat diberikan oleh pusat latihan psikologi dan pusat layanan psikologi kepada masyarakat adalah membantu menyelesaikan masalah-masalah psikologi yang dihadapi oleh masyarakat, proses pengambilan pekerja, pelatihan atau *training* organisasi dan sebagainya.

Pusat atau sekolah psikologi mestilah membuka peluang seluas-luasnya kepada para pakar dan pengkaji dari bidang ilmu lain untuk bersama-sama menjalankan sebuah kajian atau menghasilkan sebuah produk baru dan inovatif. Pusat atau sekolah psikologi diharapkan mula menggunakan peralatan-peralatan teknologi moden di dalam kajian yang dijalankan, dan tidak hanya bergantung kepada penggunaan soal selidik untuk memperoleh data.

Psima bersama pusat atau sekolah psikologi yang ada di Malaysia bersama-sama secara aktif menjalinkan hubungan kerjasama serta menjalankan kajian bersama dengan para pakar dan pengkaji psikologi dari luar negara, baik negara-negara Barat mahupun dengan negara-negara di Asia sendiri dan Afrika. Kerjasama yang luas dengan pelbagai negara ini boleh mewujudkan berlakunya transformasi ilmu dan teknologi moden dalam psikologi serta mempercepatkan kemajuan dan kesamaan taraf pendidikan psikologi di Malaysia dengan negara-negara Barat.

Jadual 4

## Kesimpulan proses berlakunya reformasi psikologi



## KESIMPULAN

Reformasi psikologi penting untuk dilakukan semasa ini bagi memberi kemajuan kepada ilmu psikologi di Malaysia. Tanpa reformasi, ilmu psikologi di Malaysia tidak akan berkembang ke hadapan. Kesedaran dari dalam diri dan motivasi yang tinggi daripada para pakar dan pengkaji psikologi merupakan kunci utama bagi menjayakan kemajuan bidang psikologi di Malaysia dan membawa psikologi Malaysia ke peringkat yang lebih membanggakan.

RUJUKAN

- Bringmann, W., & Tweney, R. (Eds.). (1980). *Wundt Studies: A Centennial Collection*. Toronto: C.J. Hogrefe.
- Danziger, K. & Ballantyne, P.F. (1997). Psychological Experiments. In W. Bringmann et al. (Eds.), *Pictorial History of Psychology*, pp. 225-232. New York: Oxford University Press.
- Givler, C. G. (1920/1922). *Psychology: the Science of Human Behavior*. New York: Harper.
- Murphy, G. (1935). *A Briefer General Psychology*. New York: Harper.

**BIODATA**

- YOHAN KURNIAWAN ialah pelajar program doktor falsafah Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, (UKM), 43600 Bangi, Selangor.

# Penglibatan Bukan Melayu Dalam Pengajian Dunia Melayu

● Ding Choo Ming

DUNIA Melayu dalam rencana ini adalah ruang epistemologi seperti yang diujahkan Shamsul A.B. (2003: 116) sebagai "... a 'Mediterranean' in the sense that the Malay world is an abstract, intellectual space as well as a physical location, not unlike the Mediterranean, where a number of civilizations came to meet over time. ... The dialogues among the civilizations of the Malay world produced a diverse, yet integrated culture, exemplifying the concept of pluralism, long before the term was coined." Dunia Melayu dengan keanekaragaman budaya yang satu melengkapkan yang lain itu telah digambarkan dalam cogan kata *Bhineka Tunggal Ika* dan konsep pancasila di Indonesia. Setelah sekian lama menarik minat perhatian orang Eropah, ia sudah memberi sumbangan besar kepada kesedaran dan ilmu dunia. Buku *The Malay Archipelago* (1869) oleh Alfred Russel Wallace (1823-1913) dan juga yang memberi ilham kepada Charles Darwin mengemukakan teori beliau tentang evolusi manusia. Itu cumalah satu daripada sekitar 200,000 buah rencana, buku, laporan dan dokumen tentang dunia Melayu dan sebahagiannya sudah terkumpul dalam portal pengajian Dunia Melayu di ATMA (Institut Alam & Tamadun Melayu) di Internet pada alamat [www.malaycivilization.com](http://www.malaycivilization.com). Selain itu, sejak 1999, ATMA sudah memulakan projek